

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.10.2014

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil Kerajaan untuk mensifarkan rasuah dan pecah amanah di Jabatan Kastam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan serius usaha-usaha mensifarkan rasuah dan pecah amanah serta mana-mana pelakuan yang menjurus ke arah ketidakpatuhan peraturan dan undang-undang di kalangan penjawat

awam.

Berhubung dengan persoalan di atas, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya penambahbaikan tadbir urus, langkah-langkah pencegahan dan tindakan-tindakan kawalan dalaman dan punitif dalam usaha membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai dan kakitangannya.

Dalam usaha penambahbaikan terhadap tadbir urus, Jabatan Kastam Diraja telah menubuhkan Unit Integriti pada Ogos 2013 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertarikh 1 Ogos 2013. Unit ini berperanan membantu mengurangkan gejala penyalahgunaan kuasa dan rasuah serta meningkatkan akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

JKDM juga telah membangunkan Sistem e-Penempatan berdasarkan skala penarafan risiko untuk urusan penempatan dan pertukaran pegawai berdasarkan kepada '*Hot Job*' iaitu **jenis kerja** berisiko tinggi berlakunya rasuah, '*Hot Spot*' iaitu **tempat kerja** berisiko tinggi berlakunya rasuah

dan *'Hot Staff'* iaitu **pegawai** yang berkemungkinan atau berisiko tinggi melakukan rasuah. Selain daripada itu, JKDM telah mengadakan *MoU Integrity* dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada pihak swasta seperti Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan ejen penghantaran.

JKDM juga telah mengambil inisiatif pencegahan sebagai langkah pro-aktif dengan mengadakan program-program pengukuhan integriti untuk warga JKDM seperti menjalankan naziran pengisytiharan harta, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 serta pengauditan kes-kes tata tertib di Pejabat-Pejabat Negeri. Di samping itu juga, Kod Perilaku Kastam dan Pelan Integriti 2010-2014 JKDM merupakan salah satu medium untuk meningkatkan program-program pengukuhan integriti di Jabatan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia turut mengambil pendekatan punitif sebagai langkah pembetulan antara lain mengenakan tindakan hukuman tata tertib yang sewajarnya termasuk hukuman buang kerja selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam

(Kelakuan dan Tatatertib) 1993.